

16/10/2002

PM tuntutan Manila minta maaf

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Manila perlu meminta maaf kerana terlalu gopoh membuat andaian bahawa gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol di pusat tahanan sementara di Menggatal, Sabah, adalah warga Filipina.

Perdana Menteri berkata, Filipina hendaklah lebih `sensitif dan berhati-hati sedikit' dalam membuat kenyataan yang boleh mengeruhkan hubungan kedua-dua negara.

"Mereka sepatutnya memberitahu kita (kes gadis itu), dan tidak membuat bising mengenainya. (Sebaliknya)...menghebahkan dalam media dan sebagainya. Jika ada kes, laporkan kepada kita dan kita akan siasat," katanya selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam yang mahu kerajaan Filipina meminta maaf selepas polis mengesahkan bahawa gadis itu, yang didakwa Filipina sebagai rakyat mereka, sebenarnya warga Malaysia.

Pengesahan itu dibuat berdasarkan ujian asid deoksiribonukleik (DNA). Ujian itu 99 peratus positif menunjukkan gadis itu anak pasangan yang kini berada di Sabah.

Ditanya bagaimana gadis itu boleh dihantar ke Filipina dan mungkin terjadi kesilapan pihak penguat kuasa negara ini, Dr Mahathir berkata dia ditemui di kalangan pendatang asing setelah didapati merayau-rayau tanpa sebarang alamat.

"Budak perempuan ini, saya diberitahu, adalah seorang kanak-kanak jalanan, dan kita tidak tahu apa muslihatnya. Sekalipun, jika ada kes rogol, biarlah dipastikan dulu sama ada kejadian rogol itu benar-benar berlaku dan sebagainya, sebelum membuat andaian," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan menulis surat kepada Presiden Filipina, Gloria Arroyo mengenai isu itu.

Sebelum ini, Arroyo menulis surat kepada Dr Mahathir meminta Malaysia menyiasat dakwaan itu kerana gadis terbabit itu dikatakan rakyat Filipina.

Sementara itu, laporan AFP dari Manila hari ini memetik jurucakap Hal Ehwal Luar Filipina, Victoriano Lecaros sebagai berkata negara itu tidak perlu meminta maaf kepada Malaysia berikutan insiden terbabit.

"Kita cuba menolong seorang mangsa rogol bawah umur. Sekarang, adilkah kita dipersalahkan untuk itu? Jika dia memang benar rakyat Malaysia, negara itu sepatutnya yang menolong gadis ini," katanya.

Lecaros berkata, tidak mungkin pihak berkuasa Malaysia meletakkan gadis itu dalam pusat tahanan jika dia bukan rakyat Filipina.